

'Penjelasan AGC bukti saya ikut prosedur pengampunan Anwar'

UTUSAN MALAYSIA

05 JUN 2025

m/s 6

PUTRAJAYA: Penjelasan Jabatan Peguam Negara (AGC) berhubung pengampunan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2018 membuktikan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mematuhi sepenuhnya proses perundangan yang sah.

Menurut Dr. Mahathir, penjelasan AGC itu turut menepis segala tuduhan bahawa beliau bertindak di luar peraturan semasa pengampunan tersebut diberikan sejurus selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

"Penjelasan itu membersihkan nama saya daripada tuduhan-tuduhan bahawa saya tidak mengikut proses yang betul dalam mendapatkan pengampunan untuk Anwar, seperti yang didakwa dalam beberapa isu sebelum ini termasuk kes Pulau Batu Puteh," katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, AGC menjelaskan proses pengampunan Anwar PRU-14 adalah sah dan mengikut prosedur Lembaga Pengampunan seperti termaktub dalam Perlembagaan.

Dr. Mahathir berkata, sejak 2018, pengamal undang-undang termasuk mereka yang rapat dengannya mempertikaikan kesahihan pengampunan itu, malah seorang peguam turut memfailkan saman mencajar keputusan berkenaan pada 2020.

"Mahkamah Tinggi menolak permohonan Anwar untuk batalkan saman tersebut, namun Mahkamah Rayuan membenarkannya kerana plaintif tiada *locus standi*, manakala Mahkamah Persekutuan menolak rayuan kerana isu dianggap akademik," katanya.



MAHATHIR MOHAMAD

Dr. Mahathir berkata, isu itu kembali dipersoalkan apabila timbul kontroversi berhubung Titah Adendum Yang di-Pertuan Agong mengenai permohonan tahanan rumah oleh penyokong Datuk Seri Najib Tun Razak yang memersoalkan mengapa titah Seri Paduka tidak dilaksanakan, sedangkan pengampunan Anwar boleh diluluskan.

Mengulas dakwaan terbaharu terhadap Anwar, Dr. Mahathir membidas usaha Perdana Menteri untuk mendapatkan imuniti undang-undang daripada tindakan saman sivil oleh bekas pembantunya.

"Bagi pengkritik Anwar, tindakan ini bercanggah dengan prinsip keadilan kerana tiada siapa pun harus mempunyai kekebalan daripada menghadapi proses undang-undang apabila dituduh melakukan kesalahan," katanya.

Beliau berkata, permintaan Anwar itu telah mendorong sesetengah pihak mengaitkan perkara tersebut dengan keistimewaan pernah diperolehinya sewaktu menerima pengampunan penuh dahulu.